

PENDIDIKAN KEJURURAWATAN DI MALAYSIA: SATU SOROTAN SEJARAH

Norizan Mohd Noh, Siti Fatimah Md. Shariff dan Zairina Zaimarol

Fakulti Kejururawatan dan Sains Kesihatan, Kolej Universiti Islam Melaka
norizan@kuim.edu.my

ABSTRAK

Menurut penulisan barat, *Florence Nightingale* (1820-1910) merupakan pelopor kepada era kejururawatan moden pada 1850an, namun negara Timur Tengah mengiktiraf Rufaidah binti Sa'ad Bani Aslam al-Khazraj yang hidup sezaman dengan Nabi Muhamad (s.a.w.) kira-kira (570 Masehi - 632 Masehi) sebagai pengasas kepada era kejururawatan moden. Profesion kejururawatan telah diperkenalkan di Tanah Melayu sejak 1800 bermula dengan rahib dan biara yang dibawa oleh pemerintah British. Selain itu, penubuhan hospital di Negeri-Negeri Selat (NNS) telah merencanakan keperluan dan permintaan terhadap jururawat. Rentetan itu, latihan kejururawatan formal telah diberikan kepada rakyat tempatan dengan penubuhan kolej kejururawatan yang pertama dibuka di Pulau Pinang pada tahun 1947. Atas dasar itu, matlamat utama artikel ini memfokuskan tulisan sejarah awal kejururawatan di Malaysia dan meneliti perkembangan pendidikan kejururawatan di Malaysia kini. Selepas kemerdekaan, Akta Jururawat 1950 (Akta 14) dan Ordinan Pendaftaran Jururawat telah ditubuhkan dengan memperuntukkan penubuhan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) bagi mengawal latihan, peperiksaan, perlesenan dan pendaftaran yang standard berkaitan dengan amalan kejururawatan dan akan mengiktiraf pelatih sebagai jururawat profesional. Penglibatan institusi pengajian tinggi awam dan swasta selepas kemerdekaan telah merencanakan lagi perkembangan pendidikan kejururawatan di Malaysia yang telah mengangkat martabat profesion kejururawatan setanding dengan profesion lain di dunia.

Kata Kunci: Tokoh Kejururawatan, Fasa Perkembangan Kejururawatan Moden, Latihan Kejururawatan

Nursing Education in Malaysia: a Historical Highlight

ABSTRACT

According to western writings, Florence Nightingale (1820-1910) was a forerunner of the modern nursing era of the 1850s, but the Middle East nationally recognized Rufaidah daughter of Sa'ad Bani Aslam al-Khazraj who lived with Prophet Muhammad (p. 5) (570 AD) - 632 AD) as the founder of the modern nursing era. The nursing profession has been introduced in Malaya since 1800 began with

monks and monasteries were taken by the British government. In addition, the establishment of hospitals in the Straits Settlements (NNS) has increased the demand and demand for nurses. In the meantime, formal nursing training was provided to the locals with the establishment of the first nursing college opened in Penang in 1947. In light of this, the main aim of this article is to focus on the early history of nursing education in Malaysia and to examine the current development of nursing education in Malaysia. After independence, the Nursing Act 1950 (Act 14) and the Nursing Registration Ordinance were established by providing for the establishment of the Malaysian Nursing Board (LJM) to regulate training, examinations, licensing and registration standards in relation to nursing practice and to recognize trainees as professional nurses. The involvement of public and private higher education institutions after independence has further accelerated the development of nursing education in Malaysia which has elevated the prestige of the nursing profession in comparison with other professions in the world.

Keyword: *Nursing Figures, Modern Nursing Development Phase, Nursing Training*

PENGENALAN

Profesion jururawat telah wujud sepanjang sejarah dan berkembang pesat dari semasa ke semasa. Definisi kejururawatan merangkumi penjagaan secara autonomi dan kolaboratif individu dari semua peringkat umur, keluarga, kumpulan dan masyarakat, sakit atau baik dan dalam semua keadaan. Kejururawatan termasuk promosi kesihatan, pencegahan penyakit, dan penjagaan orang sakit, kurang upaya dan mati. Advokasi, promosi persekitaran yang selamat, penyelidikan, penyertaan dalam membentuk dasar kesihatan dan pengurusan sistem pesakit dan kesihatan, dan pendidikan juga merupakan peranan utama kejururawatan. (*International Council of Nurses (ICN), 2002*). Sepanjang abad ke-10 dan ke-11, profesion kejururawatan telah di kembangkan atas faktor perubahan pemerintahan di Eropah. Hospital-hospital mula dikaitkan sebagai sebahagian daripada biara dan tempat agama lain dan jururawat menyediakan pelbagai servis penjagaan perubatan seperti yang diperlukan malahan lebih dari yang sepatutnya. Pada awal abad ke-17, profesion kejururawatan semakin dilupakan disebabkan pelbagai faktor seperti penutupan biara yang telah menempatkan keperluan hospital. Walau bagaimana pun, beberapa daerah di Eropah yang didominasi oleh gereja Katolik masih mengekalkan hospital mereka dan jururawat masih memegang peranan mereka (*Mitchell & Grippando, 1992*).

SEJARAH AWAL KEJURURAWATAN MODEN DI DUNIA

Florence Nightingale yang lahir pada 12 Mei 1820 dan meninggal dunia pada 13 Ogos 1910 telah diangkat sebagai pelopor kepada sejarah kejururawatan moden. Beliau merupakan rakyat British berketurunan bangsawan yang begitu tertarik dengan aktiviti kemasyarakatan yang akhirnya melibatkan diri dengan memulakan pengajiannya dalam bidang kejururawatan di Kaiserwerth, Jerman pada tahun 1851. *Florence Nightingale* pertama kali bertugas di sebuah hospital kecil di Harvey Street,

London. Kecemerlangan yang ditunjukkan oleh beliau telah memberikan peluang untuk beliau melibatkan diri membantu merawat tentera Britain, Perancis dan Turki yang berperang dengan kerajaan Rusia dalam peperangan Crimean. Disini, Florence bersama 38 jururawat lain dihantar ke Turki pada 21 Oktober 1854 untuk memberi bantuan perawatan kepada askar yang tercedera. Keprihatinan dan kesungguhan beliau merawat tentera yang tercedera dan menjaga kebajikan tentera yang berperang disanjung tinggi sehingga beliau diberikan gelaran *Lady of the lamp*. Pada tahun 1856 Florence kembali ke Britain dan pada tahun 1860 beliau telah membuka *Nightingale Training School for Nurses* di Hospital St Thomas. Profesion kejururawatan berkembang pada tahun 1860 apabila sekolah kejururawatan pertama dibuka di London (Crisp, 2012). Beliau membawa peranan penting dalam mengubah standard profesion kejururawatan di abad ke-19 (Stolley, Buckwater & Garrand, 2000). Ini merupakan permulaan bagi pembukaan sekolah-sekolah kejururawatan yang lain dalam memberikan pendidikan kepada para jururawat baru sebelum mempraktikkan ilmu tersebut di alam pekerjaan.

Walaupun dunia barat mengiktiraf *Florence Nightingale* sebagai pengasas kepada sains kejururawatan moden, namun menurut Jan (1996), dunia Timur Tengah mengiktiraf Rufaidah binti Sa'ad Bani Aslam al-Khazraj atau lebih dikenali sebagai Rufaidah Al-Asalmiya sebagai pengasas kepada sains kejururawatan moden. Menurut Kasule (2003), Mansour & Fikry (1987), berdasarkan daripada pelbagai sumber yang diterbitkan, Rufaidah Al-Asalmiya, merupakan jururawat Islam pertama yang hidup sezaman dengan Nabi Muhamad s.a.w. yang lahir di Madinah kira-kira pada 570 Masehi dan meninggal dunia pada 632 Masehi. Beliau adalah pengasas kepada sains kejururawatan moden yang jauh lebih awal berbanding *Florence Nightingale* yang lahir pada 12 Mei 1820 dan meninggal dunia pada 13 Ogos 1910. Kehebatan Rufaidah telah disampaikan daripada generasi ke generasi di kalangan jururawat di Timur Tengah dan berterusan menjadi pemangkin perkembangan bidang kejururawatan di Saudi Arabia sehingga hari ini.

Menurut Kasule (2003), Rufaidah mempelajari kemahiran perawatan daripada ayahnya yang merupakan tokoh perubatan pada waktu itu. Hussain (1981), dalam tulisannya menyatakan Rufaidah telah memberikan perawatan kepada tentera Islam yang terlibat dengan perang jihad bersama Rasulullah s.a.w. di samping menjaga tentera Islam yang cedera, Rufaidah juga memberikan perlindungan kepada tentera yang cedera parah dan tenat daripada cuaca ribut dan panas padang pasir. Nabi Muhamad s.a.w juga membenarkan Rufaidah untuk mendirikan khemah di masjid untuk memberikan pendidikan berkaitan dengan kesihatan kepada masyarakat pada masa itu. Ini merupakan penghormatan dan pencapaian luar biasa, dalam sejarah kejururawatan moden kerana wanita tidak dibenarkan mengadakan perjumpaan dengan orang ramai di masjid (Al-Osimy, 1994). Hussain (1981), menyatakan Rufaidah telah menghabiskan hidupnya dengan membangunkan dan meningkatkan ilmu dalam bidang kejururawatan. Rufaidah juga merupakan ketua dan pengasas kepada Institusi Kejururawatan Islam yang pertama di dunia, walaupun lokasinya tidak dinyatakan dengan tepat (Jan,1996). Kasule (2003), berpendapat Rufaidah bukan hanya melatih wanita menjadi jururawat, tetapi beliau juga terlibat secara aktif dalam khidmat sosial dalam komuniti Islam pada masa itu. Catatan tentang perkembangan dan sejarah pendidikan kejururawatan semenjak

zaman Rufaidah hingga awal 1960an sangat kurang didokumentasikan. Dokumentasi terawal tentang pendidikan kejururawatan di Saudi Arabia adalah pada tahun 1961 (El- Sanabary,1993). Perkembangan pendidikan kejururawatan bermula apabila Kementerian Kesihatan Saudi Arabia dengan kerjasama *World Health Organization (WHO)*, telah membuka dua Institusi Kejururawatan untuk golongan wanita yang bertempat di Riyadh dan Jeddah.

SEJARAH KEJURURAWATAN DI MALAYSIA

Sejarah perkhidmatan kesihatan di Malaysia telah bermula sejak sebelum merdeka lagi. Merujuk kepada laman sesawang Bahagian Kejururawatan, Kementerian Kesihatan Malaysia tahun 2019, kejururawatan di Tanah Melayu yang kini dikenali sebagai Malaysia bermula pada awal tahun 1800 dengan kedatangan *East India Company* di mana hospital bagi pesakit mula dibangunkan di Pulau Pinang dan Singapura. Semua hospital ini diuruskan oleh rahib-rahib Katolik yang mana setelah itu digantikan dengan para jururawat dari England. Latihan sambil kerja warga tempatan untuk jururawat bermula di Johor Bahru pada tahun 1938 yang diberikan oleh warga Eropah yang terdiri daripada rahib, *matron* dan doktor dan hanya berfokus kepada aspek penjagaan penyembuhan pesakit sahaja.

Pada awalnya hospital-hospital ini didirikan bertujuan memberikan kemudahan kesihatan kepada pegawai-pegawai Eropah sahaja. Hospital ini menempatkan pegawai-pegawai perubatan Eropah termasuklah pegawai perubatan wanita yang berpengalaman dan pesakit-pesakit Eropah yang bekerja di Tanah Melayu. Antara hospital terawal dibina adalah Hospital Kuala Lumpur pada tahun 1870 dan Hospital Taiping yang juga dikenali sebagai Hospital Yeng Wah pada tahun 1880. Selain itu, antara hospital terawal ialah di daerah Klang pada tahun 1875 (*Annual Report for State of Selangor* 1918). British turut menyediakan hospital di kawasan estet untuk menjamin kesihatan imigran yang bekerja sebagai buruh termasuklah buruh wanita. Pada tahun 1919, British mendirikan 55 buah lagi hospital di estet yang menjadikan keseluruhannya sebanyak 151 buah pada tahun 1920 (Sel. Section 738/1922). Sejarah perkhidmatan kesihatan turut juga dicatatkan di Sarawak. Ia bermula ketika era Raja Brooke di mana hospital dibina khusus untuk merawat pegawai-pegawai berbangsa Eropah dan keluarga mereka. Wanita tempatan juga dilatih menjadi jururawat dan bidan di Kuching. Semasa zaman kolonial, perkhidmatan di negeri tersebut telah memfokuskan kepada rawatan perubatan di kawasan bandar. Dalam pada itu, perkhidmatan kesihatan di Sabah ditubuhkan oleh *North Borneo Chartered Company* yang memerintah negeri itu dari tahun 1881 hingga 1942.

Amalan kejururawatan pada era pra peperangan di Tanah Melayu berdasarkan standard latihan dan peperiksaan yang berbeza mengikut negeri masing-masing. Setelah selesai latihan, jururawat dinaikkan pangkat kepada kakitangan jururawat dan kemudian dipertimbangkan sama ada sesuai atau tidak untuk mereka menjadi jururawat kanan. Ini menyebabkan perbezaan pada kaedah pengurusan jururawat dan kerajaan telah memperbaiki kaedah pengurusan kesihatan supaya lebih sistematik untuk mengatasi masalah-masalah kesihatan yang wujud (Noraini & Sivachandralingam 2013).

KRONOLOGI PERKEMBANGAN KEJURURAWATAN DI MALAYSIA

Kedatangan British di Tanah Melayu telah memperkenalkan perkhidmatan perbidanan moden dengan memberikan tumpuan kepada perkhidmatan bidan kerajaan yang diberikan latihan perbidanan yang secukupnya bagi menyambut kelahiran yang selamat (*Employment of European Hospital Nurses in Native Wards, 1903*). Bidan merupakan seorang yang dihormati dan mempunyai status yang tinggi dan berpengaruh dalam kalangan wanita kerana mereka memainkan peranan dalam upacara-upacara tradisi dan keagamaan seperti kelahiran, perkahwinan dan kematian (Roziyah Omar 1996:2) Malahan mereka dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai pemimpin dalam perkara sulit dan masalah yang berkaitan dengan wanita (UNIPERTAMA, Pengaruh Bidan Kampung dalam Kebudayaan dan Kesihatan, 1950). Pada September 1914, Ketua Pegawai Perubatan (*Principal Medical Officer*) bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) mencadangkan agar lebih ramai wanita tempatan dilatih untuk menjadi bidan di samping mengubah status bidan-bidan tradisional menjadi bidan terlatih melalui pendaftaran (Manderson, 1996: 207-208). Terdapat seramai 160 orang bidan kerajaan lulus latihan perbidanan di sekolah jururawat di Selangor (121/1954: *Domiciliary Midwives (Nurse Midwives), Midwifery Training Schools (Division I and Division II)*). Ini telah menyebabkan program perubatan bagi bidang perbidanan untuk ibu dan kanak-kanak di Negeri-negeri Selat (NNS) bermula sejak tahun 1905 selari dengan kemasukan pesat imigran ke petempatan itu.

Maka, Pada tahun 1923, satu perundangan berkaitan kawalan amalan kebidanan dan latihan Bidan di penempatan negeri-negeri Selat (NNS) kemudiannya di negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu telah ditubuhkan. Antara program yang diberi tumpuan ialah aspek pendaftaran dan latihan bidan-bidan tradisional, pengenalan kepada perubatan moden bagi menggantikan bidan tradisional dan lawatan rumah ke rumah serta penubuhan pusat kesihatan kanak-kanak (Medical Report, Sel. Sec. 353/1914). Pihak British melihat penubuhan hospital perbidanan dapat mengurangkan risiko kematian ibu mengandung kerana pelbagai kemudahan dan peralatan yang moden bagi mengendalikan proses kelahiran dengan baik disediakan berbanding bersalin di rumah. (*Federated Malay States. Annual Medical Report for the year ending 31st December 1923, 528/1911: Additions to Maternity Hospital Tenders*) Lantaran itu, pada tahun 1927 sebuah rumah perbidanan yang dikendalikan oleh seorang pelawat kesihatan dari Singapura dibina di Kuala Lumpur (Sarina Abdullah 2010). Penubuhan hospital juga termasuklah hospital-hospital bersalin yang diletakkan di bawah pengawasan pegawai perubatan wanita dengan dibantu oleh jururawat. (Surat daripada *District Office Kajang* pada 7 Ogos 1950 kepada *The State Secretary Selangor*, Kuala Lumpur. Dlm. Sel. Sec. 1820/ 1948.)

Pada tahun 1941-1945, apabila tercetusnya peperangan dunia kedua, perkhidmatan latihan jururawat sambil bekerja telah terhenti. Seterusnya, setelah tamat peperangan pada tahun 1946, antara sekolah kejururawatan pertama telah mula ditubuhkan adalah di Johor Bahru, Pulau Pinang dan juga di Kuala Lumpur. Manakala Kolej Kejururawatan yang pertama ditubuhkan ialah Kolej Kejururawatan Pulau Pinang iaitu pada tahun 1947 dan diikuti dengan pembukaan

asrama jururawat iaitu pada 16 Julai 1956 oleh Sir Donald Mc Gilivray K.C.M.G, M.B.E. Dahulunya dikenali sebagai Sekolah Kejururawatan Pulau Pinang. Kolej ini telah dimulakan dengan kurikulum baru iaitu Latihan Asas, Latihan Pos Basik iaitu Kursus Pediatrik, Kursus Kebidanan, Kursus Perawatan Rapi, Kursus Koronari dan Kursus Perioperatif (Kementerian Kesihatan Malaysia,2019). Pada tahun 1956, Kolej Pembantu Perubatan di Ulu Kinta juga telah menyediakan latihan untuk Penolong Jururawat.

PENUBUHAN AKTA KEJURURAWATAN DI MALAYSIA

Penubuhan Kejururawatan di Malaysia bermula pada tahun 1923 dengan pengenalan undang-undang kawalan dalam Amalan Perbidanan dan latihan untuk para bidan di mukim Selat dan kemudiannya ke lain-lain negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Kemudian diikuti dengan penubuhan Akta Jururawat 1950.

Akta Jururawat dan Ordinan Pendaftaran Jururawat (1950) telah diaktakan untuk mengawal amalan kejururawatan (Akta 14). Kemudian seterusnya menjurus kepada penubuhan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) yang berfungsi mengawalselia pendidikan dan pendaftaran jururawat. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah:

- i. Pembangunan sukatan pelajaran serta kurikulum untuk Latihan Asas Jururawat.
- ii. Mengadakan ujian akhir untuk pendaftaran jururawat.
- iii. Mengeluarkan Sijil Latihan Kejururawatan.
- iv. Pembangunan dalam perundangan bagi mengawal amalan kejururawatan melalui pendaftaran serta pengeluaran Sijil dan Lencana Kejururawatan.
- v. Pembangunan Undang-undang Pendaftaran Jururawat.
- vi. Meluaskan Akta Jururawat ke negeri Sarawak.
- vii. Meluaskan Akta Jururawat ke negeri Sabah.

Penubuhan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) ditubuhkan sejurus Akta Kejururawatan dan Ordinan Pendaftaran Jururawat diaktakan (Akta 14) bagi tujuan mengawal selia pendidikan kejururawatan dan pendaftaran jururawat. Peperiksaan yang diuruskan oleh LJM bertujuan memberi pengiktirafan profesional kepada bakal-bakal jururawat yang telah menamatkan pengajian mereka. Setiap graduan perlu lulus dalam peperiksaan untuk didaftarkan di dalam LJM mengikut akta Jururawat 1950 (Akta 14). Mereka yang telah lulus peperiksaan ini akan diiktiraf sebagai jururawat profesional yang kompeten, cekap dan selamat dalam memberi perawatan asas kepada pesakit samada di hospital ataupun komuniti. Selain itu, jururawat yang berdaftar dengan LJM boleh berkhidmat dengan mana-mana hospital kerajaan atau swasta di dalam Negara mahupun di luar Negara.

Pada 1971, Undang-undang Kebidanan (Pendaftaran) 1971 di perkenalkan dan jururawat perbidanan (pengkhususan) diwajibkan memohon bagi urusan pendaftaran. Pendaftaran ini dikenali sebagai *Traditional Birth Attendants (TBA)* dan dilaksanakan sehingga 1 Ogos 1972. Pada tahun 1990, Akta Bidan 1966 telah dipinda bagi membolehkan *TBA* didaftarkan selama tempoh 10 tahun. Pada tahun yang sama, Akta Bidan 1966 digubal dan Lembaga Bidan ditubuhkan bagi

mendaftarkan jururawat perbidanan dan memantau amalan perbidanan di dalam negara.

Pada tahun 1985 berlaku Semakan Undang-undang Pendaftaran Jururawat 1985 dan Pelaksanaan Sijil Perakuan Pengamalan Jururawat Tahunan telah dijalankan. Undang-undang Pendaftaran Jururawat memastikan semua jururawat yang telah lulus peperiksaan LJM dari Kolej Kejururawatan, Institut Pengajian Awam dan swasta yang diiktiraf perlu berdaftar dengan LJM mengikut Akta Jururawat 1950 dan Peraturan-peraturan Jururawat 1985 dan Peraturan-peraturan 1990. Manakala bagi Pelaksanaan Sijil Perakuan Pengamalan Jururawat Tahunan, jururawat perlulah mematuhi Peraturan-peraturan Jururawat 1985 dimana LJM akan mengeluarkan Perakuan Pengamalan Jururawat secara tahunan bagi membolehkan jururawat mempraktikkan amalan kejururawatan di fasiliti kesihatan di Malaysia.

Pada tahun 1998, *Code of Profesional Conduct for Nurses* telah diperkenalkan (*first edition* April 1998). Setiap jururawat berdaftar mempunyai kewajipan moral untuk mematuhi kod tingkah laku profesion. Ia menawarkan garis panduan untuk tingkah laku dan amalan profesional dan boleh digunakan sebagai standard terhadap aduan mengenai salah laku profesional jururawat. Ia melengkapkan Akta Jururawat dan Peraturan, 1985 (Bahagian V Amalan dan Bahagian VI mengenai Prosiding Tatatertib).

Pada tahun 2018, Lembaga Jururawat Malaysia dengan kerjasama dari Unit Pembangunan Profesional (CPD), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), adalah dengan sukacitanya membentangkan Garis Panduan Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) yang menggambarkan aktiviti jururawat berdaftar perlu berlaku perkembangan professional yang berterusan, cekap dan selamat. CPD dalam konteks ini ditakrifkan sebagai "proses pembelajaran sepanjang hayat yang bertujuan untuk memenuhi keperluan pesakit dan meningkatkan hasil kesihatan secara sistemik. Ia membolehkan jururawat mengekalkan, memperbaiki dan memperluaskan tahap profesional mereka. Untuk mengekalkan kecekapan profesional dalam teknologi yang sentiasa berubah bersama pelbagai cabaran, peningkatan jangkaan orang ramai mengenai akauntabiliti yang berkualiti, jururawat perlu memulakan CPD. Oleh itu, Lembaga Jururawat telah mengambil perhatian serius mengenai aktiviti CPD dan sebagai pembaharuan Sijil Amalan Tahunan (APC) jururawat yang praktis di seluruh Malaysia. Program yang disyorkan adalah berkaitan dengan amalan individu dan membantu mengekalkan piawaian dan kecekapannya di Malaysia. Di samping itu, ia juga menggabungkan aktiviti berasaskan kumpulan seperti bengkel dan persidangan untuk memudahkan interaksi yang lebih besar dan penyepaduan profesional penjagaan kesihatan. Tindakan mengejar aktiviti CPD akan memberi manfaat kepada peningkatan pembangunan kerjaya, kepuasan kerja dan penyediaan perkhidmatan di kalangan jururawat.

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN KEJURURAWATAN DI MALAYSIA KINI

Kerjaya kejururawatan merupakan kerjaya yang sentiasa berkembang seiring dengan kemajuan teknologi dalam bidang perubatan dan perawatan. Kejururawatan merupakan kerjaya yang unik kerana bukan sahaja mempunyai kombinasi “seni”

dan “sains” ia juga menjadi kerjaya yang mempunyai permintaan yang tinggi selari dengan teknologi semasa dunia perubatan. Perubahan, penambahbaikan dan peningkatan dalam kerjaya ini sentiasa dititikberatkan bagi memastikan kerjaya jururawat berkualiti seiring dengan perkembangan teknologi perubatan.

Sejajar dengan perkembangan tersebut, kerjaya kejururawatan di Malaysia juga menerima perubahan, penambahbaikan dan peningkatan dalam pembangunan kerjaya. Secara tidak langsung, ia telah memberi suntikan perkembangan kerjaya jururawat ke peringkat yang lebih tinggi. Permintaan terhadap jururawat mula meningkat selepas tahun 1960. Bagi menangani perkembangan permintaan jururawat, sejumlah jururawat Malaysia telah dihantar ke luar negara bagi menjalani latihan kepakaran. Perkembangan keperluan kepakaran tidak setakat itu, di Malaysia juga terdapat institusi kejururawatan yang di tubuhkan bagi memenuhi keperluan kepakaran dalam bidang kejururawatan. Berdasarkan Dasar Ekonomi Baru -7 pada tahun 1970 menyaksikan perkembangan kursus kejururawatan dinaikkan taraf kepada program diploma dan ijazah pertama. Kursus-kursus tersebut telah diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Nasional (LAN) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Sekolah kejururawatan swasta yang pertama adalah Sekolah Kejururawatan Tun Tan Cheng Lock, ditubuhkan pada tahun 1967 di Assunta Hospital, Petaling Jaya. Manakala, pada tahun 1968, Hospital Universiti Sekolah Kejururawatan Kuala Lumpur telah ditubuhkan (sekarang dikenali sebagai *University Malaya Medical Center*). Penubuhan kedua-dua sekolah kejururawatan tersebut tertakluk kepada Peraturan dan Prosedur Perawatan Jururawat tahun 1950. Selain daripada kolej swasta tersebut, program Diploma Kejururawatan juga telah ditawarkan di Negeri Melaka iaitu di Kolej Islam Melaka (KIM) pada tahun 1995 yang kini dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

Peranan sekolah kejururawatan bukan sahaja melahirkan jururawat asas sahaja. Pada tahun 1968 Hospital Universiti Sekolah Kejururawatan Kuala Lumpur juga telah diberikan kepercayaan untuk menjalankan kursus latihan kepada pengajar jururawat (*Nurse Tutor and Nursing Administration*). Peranan Sekolah Kejururawatan ini juga bertambah apabila dikehendaki menawarkan kursus *Advanced Nursing Education Programme (ANEP)* bagi melatih jururawat dalam pengajaran dan pendidikan pada tahun 1978. Nama kursus ini dikenali sebagai *Advanced Diploma Teaching* selepas penjenamaan semula pada tahun 1994. Selain itu, program *ANEP* juga menawarkan kursus kursus pendek seperti *Intravenous Therapy skill* dan *Teaching Methodology Workshop*.

Sehingga tahun 1992, graduan program kejururawatan menerima Sijil Kejururawatan Umum. Menjelang lewat tahun 1992, sijil kurikulum tersebut dinaik taraf kepada diploma kejururawatan dengan penambahan input teori (sehingga 50%) dalam kurikulum kejururawatan.

Mengikut sejarah, pada awalnya Kementerian Kesihatan adalah pengeluar graduan diploma kejururawatan yang terbesar tetapi menjelang lewat tahun 1992 bilangan institusi swasta mula berkembang. Pada masa ini, terdapat 70 kolej swasta, 17 kolej Kementerian Kesihatan dan tiga universiti awam yang melahirkan kira-kira 12,000 graduan diploma kejururawatan setiap tahun. Walaubagaimanapun,

kolej Kementerian Kesihatan masih dikekalkan sebagai institusi utama untuk menjalankan kursus postbasic dalam bidang kejururawatan klinikal.

Tahun 1993 menandakan permulaan pendidikan tinggi bidang kejururawatan. Universiti pertama program ini bermula pada tahun 1993 di Universiti Malaya, yang menyediakan kemahiran pendidik jururawat dan pentadbir jururawat untuk lulusan diploma kejururawatan. Ia adalah tiga tahun program yang menganugerahkan Sarjana Muda Kejururawatan Sains (*BNSc*) dengan kepujian. Pada tahun 2003, Bahagian Jaminan Kualiti, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Pendidikan melalui jawatan kuasa peringkat tinggi termasuk ahli Lembaga Jururawat, Malaysia, membangunkan garis panduan dalam reka bentuk kurikulum untuk empat tahun Sarjana Muda Kejururawatan (Kepujian). Pada masa ini, sekurang-kurangnya lapan universiti menjalankan kurikulum empat tahun, iaitu enam di sektor awam - Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan beberapa institusi swasta. Dengan pengenalan program ijazah empat tahun, program ijazah tiga tahun di Universiti Malaya telah dimansuhkan.

Kurikulum yang dicadangkan dalam program ijazah adalah komprehensif dan seimbang antara tiga sains utama: Sains Perubatan Asas, Sains Asas Kejururawatan, Sains Sosial dan Kemanusiaan (*Basic Medical Sciences, Core Nursing Sciences, Humanities and Social Sciences*). Keperluan kemasukan termasuk sains tulen di Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau peringkat matrikulasi, Matematik dan Bahasa Malaysia di Sijil Tahap Pelajaran Malaysia (SPM) dan *Malaysian University English Test (MUET)*. Piawai dan kriteria ini menandakan permulaan peningkatan pendidikan kejururawatan di Malaysia. Keperluan kemasukan telah meletakkan kejururawatan setanding dengan program profesional yang lain seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi atau Kejuruteraan yang menitik beratkan pelajaran sains tulen sebagai kriteria utama untuk kemasukan.

Pada tahun 2003 juga menandakan permulaan penubuhan pasca siswazah program kejururawatan klinikal di institusi awam, seperti di UM, UiTM dan UKM. Penekanan pada pendidikan pascasiswazah dalam kejururawatan klinikal membolehkan graduan menggunakan pengetahuan dan pengalaman klinikal sebagai medium untuk mengajar di peringkat ijazah sarjana muda atau klinikal/postbasic. Pendidikan kejururawatan pascasiswazah ini dilihat sebagai satu lagi kejayaan positif dalam bidang kejururawatan.

Tiga universiti awam telah yang menawarkan ijazah Sarjana Kejururawatan dalam: Penjagaan Kritis dan Kesihatan Wanita (UiTM); Specialiti Klinikal (UM); Kebidanan, Kesihatan Mental, Kesihatan Masyarakat dan Ortopedik dan Traumatologi (UKM). Manakala untuk program *Doctor of Philosophy* dalam Kejururawatan, empat universiti awam menawarkan peluang pengajian seperti UNIMAS, USM, UPM dan IIUM. Beberapa institusi pengajian tinggi swasta juga ia menawarkan kursus berkaitan kejururawatan di peringkat Sarjana dan kedoktoran.

KESIMPULAN

Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan pelbagai kemudahan yang lengkap dengan teknologi terkini bagi memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan untuk masyarakat adalah yang terbaik. Pelbagai bentuk latihan juga telah dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kompetensi kepada semua tenaga kerja kesihatan dalam usaha untuk meningkatkan dan memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan jururawat kepada masyarakat.

Secara kesimpulannya, bidang kejururawatan adalah satu kerjaya profesional yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi, komited, cekap dan sedia berkhidmat tanpa mengira tempat, bangsa dan agama. Kombinasi kemahiran dan pengetahuan yang tinggi membantu jururawat bersedia menghadapi sebarang situasi kritikal yang berpusatkan pesakit dan komuniti. Skop kerja jururawat bukan sahaja tertumpu di hospital tetapi ia semakin meluas di peringkat pendidikan global. Dalam erti kata lain, kerjaya kejururawatan bukannya satu kerjaya yang buntu kerana permintaan industri terhadap kerjaya kejururawatan semakin meningkat. Seperti kerjaya yang lain, tiada ada hadnya. Hal ini bergantung kepada kita untuk melompat lebih tinggi atau tidak.

Perkembangan bidang ini dapat diperhatikan menerusi penambahbaikan skim perkhidmatan Jururawat yang ditingkatkan dari Kumpulan Pelaksana kepada Skim Perkhidmatan Bersepadu. Gred jawatan jururawat yang dahulunya setakat Gred U40 sahaja kini telah diperluaskan kepada Gred U41 hingga ke Gred U54. Perkembangan pendidikan kejururawatan telah membuka peluang kepada jururawat melibatkan diri dalam bidang yang lebih profesional. Dengan ini profesion kejururawatan dapat di angkat ke peringkat yang lebih tinggi setanding dengan kerjaya profesional di dunia.

RUJUKAN

- Annual Report for Medical Department Selangor, 1918.
Annual Report of Medical Department 1920. Lihat juga Sel.Sec.2117/1913: Annual Report on Health Department for 1912.
Al-Osimy, M. (1994). *Nursing in Saudi Arabia*. Jeddah, Saudi Arabia: King Fahd Hospital.
Crisp, J., Taylor, C; Douglas, C.,Rebeiro, G., eds. (2012). *Potter & Perry's Fundamentals of Nursing* (4th ANZ ed.). Mosby. ISBN 978-0729541107.
Continuing Profesional Development (CPD) (2020). Retrieved from <http://nursing.moh.gov.my/wpcontent/uploads/2019/01/CPD-NURSES-GUIDELINE-EDISI-2018-edited-7-JAN-2019.pdf> on 17 January 2019.
Mohd Zain, Siti Rabikhatun. (2018). *The Development Of Nursing Education In Public Universities In Malaysia*. Malaysian Nurses Association. Definition of nursing from <https://www.icn.ch/nursing-policy/nursing-definitions>. Retrieved on 20 January 2020.
El-Sanabary, N. (1993). The education and contribution of women's health care professionals in Saudi Arabia: The case of nursing. *Social Science Medicine*, 37(11), 1331-1343.

- El-Sanabary, N. (2003). "Women and the nursing profession in Saudi Arabia". In N. H. Bryant (2nd ed.), *Women in nursing in Islamic societies*. Pakistan: Oxford University Press.
- Employment of European Hospital Nurses in Native Wards. (1903).
- Hussain, S. (1981). Rufaida Al-Asalmia. *Islamic medicine*, 1(2), 261-262.
- Jan, R. (1996). Rufaida Al-Asalmiya, the first Muslim nurse. *Image: The Journal of Nursing Scholarship*, 28(3), 267-268.
- Kasule, O.H. (2003). *Historical roots of the nursing profession in Islam*. Retrieved from the world wide web 14 June, 2004 at www.iiu.edu.my/medic/islmed/Lecmed/rufaid98.nov.html
- Kerjaya Jururawat. Kementerian Kesihatan Malaysia. (2011). [file:///C:/Users/Owner/Downloads/Kerjaya_Jururawat%20\(2\).pdf](file:///C:/Users/Owner/Downloads/Kerjaya_Jururawat%20(2).pdf). Retrieved on 29 January 2020.
- Malaysia. Nursing Board of Malaysia, 2007. *Guidelines on Standards and Criteria for Approval/Accreditation of Nursing Programmes*. Kuala Lumpur: Nursing Board of Malaysia.
- Malaysia. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2003. *Guidelines on Standards of Specific Discipline at Bachelor or Degree Level*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Manderson, L. 1996. *Sickness and the State Health and Illness in Colonial Malaya, 1870-1940*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mansour, A., & Fikry, M. (1987). An overview of the nursing profession in Saudi Arabia. *King Khalid Hospital Journal*, 3(2), 20-25.
- Miller-Rosser, K., Chapman, Y., Francis, K. (July 19, 2006): "Historical, Cultural, and Contemporary Influences on the Status of Women in Nursing in Saudi Arabia". *OJIN: The Online Journal of Issues in Nursing*. Vol. 11, No. 3.
- Ministry of Health (2019). *Official Portal Nursing Division: About Us*. Diambil pada 30 Disember 2019. Diambil pada <https://nursing.moh.gov.my/about-us/>.
- Mitchell, Paula R. & Grippando, Gloria M. (1992). *Nursing Perspectives and Issues* (5th ed.). Cengage Learning. ISBN 978-0827349834.
- New Sunday Times. 9th November 2008.
- New Sunday Times. 26th June 2010.
- Noraini Mohamed Hassan & Sivachandralingam Sundara Raja. 2013. Perkembangan Perubatan Persekutuan 1896-1910. *Jurnal Sejarah* 21(1):1-40.
- Royal College of Surgeons in Ireland. "RCSI Bahrain announces four new awards during conferring ceremony". Diambil pada 25 November 2013. Diambil dari <https://www.rcsi-mub.com/index.jsp?p=100&n=109&a=3840>.
- Ruslan, Heri (2010). Rufaidah Al-Anshariyah-Perintis Dunia Keperawatan Islam. *MUJAHIDAH: Tabloid Republika Dialog Jumaat*, 21.
- Stolley, J., Buckwater, K. and Garand, L. (2000). 'The Evolution of Nursing Research'. *Journal of the Neuromusculoskeletal System*. Vol 8 (1). pp. 10-15.
- Sel. Sec 738/1922: Annual Report on the Medical Department Selangor for the Year 1921.
- Sejarah Kejururawatan Malaysia. <http://nursing.moh.gov.my/info-korporat/> Retrieved on 20 January 2020.
- Straits Settlements (S.S.) Ordinances 1915.

Sel. Sec. 353/1914 Training Malay Women as Nurses and Midwives in the Government Hospital.

Surat daripada District Office Kajang pada 7 Ogos 1950 kepada the State Secretary Selangor, Kuala Lumpur. Dlm. Sel. Sec. 1820/ 1948.

Sel. Sec. 540/1953: The Midwives Ordinance 1954.

The Medical Report of State Selangor 1908. 121/1954: Domiciliary Midwives (Nurse Midwives), Midwifery Training Schools (Division I and Division II. University of Malaya website: <http://www.um.edu.my>.

UNIPERTAMA. (1950). Pengaruh Bidan Kampung Dalam Kebudayaan dan Kesihatan.

Yahya, S. (2017, March 31). *Rufaida Al-Aslamia-the first Muslim nurse*. Diambil pada 1 January 2020. Diambil dari <http://saudigazette.com.sa/article/175811>.